



19 SEP, 2026

8 JUTA NIKMATI PERLINDUNGAN

Harian Metro, Malaysia



SUSULAN PENINGKATAN ARAS PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK

8 JUTA NIKMATI PERLINDUNGAN

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Lebih lapan juta atau sehingga 90 peratus pengguna domestik Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan menikmati perlindungan bil elektrik susulan peningkatan aras penggunaan daripada 600 kilowatt-jam (kWj) kepada 800 kWj sebulan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, peningkatan aras perlindungan itu membabitkan tambahan hampir satu juta pengguna domestik berbanding sebelum ini.

Katanya, semua pengguna domestik menggunakan elektrik sehingga 800 kWj sebulan akan dikecualikan daripada caj Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA), cukai jualan dan perkhidma-

tan (SST) lapan peratus serta caj peruncitan RM10.

"Perlindungan tambahan itu berkuat kuasa bagi penggunaan elektrik mulai September hingga 31 Disember 2026, dengan pengurangan bagi penggunaan September akan dikreditkan dalam bil Oktober.

"Sepanjang tempoh ini, TNB dijangka menampung caj AFA dan caj peruncitan berjumlah kira-kira RM120 juta hingga RM150 juta," katanya dalam taklimat media di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi laman Facebooknya kelmarin mengumumkan langkah menambah baik subsidi bil elektrik dengan memperluaskan tahap perlindungan daripada 600 kWj kepada 800 kWj sebulan.

Katanya, ia berkuat kuasa bagi penggunaan elektrik mulai September hingga 31 Disember 2026.

Mengulas lanjut, Shamsul berkata, peningkatan



SHAMSUL (dua dari kanan) dalam taklimat media, semalam. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

arab perlindungan itu bertujuan mengurangkan impak penggunaan elektrik terhadap kos sara hidup pengguna.

Pada masa sama katanya, langkah itu memastikan pengguna terus dilindungi daripada perubahan kadar

AFA dipengaruhi ketidak-tentuan kos bahan api global susulan krisis di Asia Barat.

"Ia juga mengambil kira peningkatan penggunaan elektrik berikutan cuaca panas dan jerebu yang sedang melanda ketika ini.

"Sebagai syarikat utiliti nasional, keutamaan TNB memastikan rakyat terus menikmati bekalan elektrik yang selamat dan berdaya harap.

"Pada masa sama, TNB akan terus memainkan peranan proaktif untuk

membantu pengguna mengurus penggunaan elektrik secara lebih cekap melalui akses kepada maklumat, teknologi dan pilihan penggunaan tenaga yang bersesuaian," katanya.

Beliau turut menasihatkan pengguna supaya mengekalkan amalan kecekapan tenaga, khususnya ketika negara berdepan cuaca panas dan jerebu.

Antara langkah disarankan ialah memantau penggunaan menerusi aplikasi myTNB, menetapkan penyaman udara antara 24 hingga 26 darjah Celsius serta menggunakan peralatan elektrik berpenarafan kecekapan tenaga empat atau lima bintang.

Pengguna juga boleh beralih kepada skim Masa Penggunaan (TOU) bagi memanfaatkan kadar tarif lebih rendah pada waktu luar puncak, selain mempertimbangkan pemasangan solar bumbung menerusi inisiatif Solar ATAP dan SuRIA Home.